

CONTOH PERAKUAN DAN PENANDAAN HALAL YANG TIDAK DIBENARKAN



PENGUATKUASAAN & PENDAKWAAN

Penipuan / Pemalsuan Sijil Halal

01	Syarikat tidak pernah memohon SPHM dengan JAKIM / JAIN / MAIN	03	Syarikat menggunakan/ mempamerkan SPHM Syarikat lain
02	Syarikat menggunakan SPHM yang telah tamat tempoh	04	Syarikat menggunakan/ mempamerkan SPHM yang telah digantung/ ditarik balik oleh JAKIM/JAIN/MAIN

CONTOH - CONTOH TINDAKAN PENGUATKUASAAN BERKAITAN PENGGUNAAN SIJIL HALAL PALSU

Susu kacang soya guna sijil halal palsu diedar sekitar Teluk Intan



- Bukan sekadar mengubah suai premis kediaman menjadi tempat memproses makanan dan minuman, pemilik premis di Hutan Melintang, di sini turut dikesan menggunakan logo halal palsu pada produk susu kacang soya keluarannya.

- Kegiatan itu terbongkar ketika serbuan dijalankan pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNKKSH), Pejabat Kesihatan Daerah Hilir Perak dan Majlis Perbandaran Teluk Intan menerusi Ops Logo Halal Palsu.
- Hasil pemeriksaan di premis berkenaan mendapati terdapat susu kacang soya yang sudah siap diproses dan dibotolkan disyaki menggunakan logo halal palsu untuk diedarkan ke kedai runcit di sekitar Teluk Intan.
- Semakan awal Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Perak turut mengesahkan mereka tidak diberikan sebarang pensijilan atau kebenaran untuk menggunakan logo halal pada produknya.
- Sebanyak 170 botol susu kacang soya dan 4,300 unit label yang mempunyai logo halal, manakala pemilik perniagaan lelaki berusia 58 tahun ditahan untuk siasatan lanjut. Kes disiasat mengikut Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

CONTOH-CONTOH TINDAKAN PENGUATKUASAAN BERKAITAN PENGGUNAAN SIJIL HALAL PALSU

- JOHOR BAHRU:** Syarikat pembekal daging sejuk beku, LY Frozen Food Sdn Bhd dan seorang pengarahnya yang terbabit dalam kes kartel daging lebih dua tahun lalu didenda RM1.6 juta, di Mahkamah Seksyen hari ini.
- Hakim Fatimah Zahari menjatuhkan hukuman itu selepas Pengarah LY Frozen Food, Yong Chee Keong, 42, mengaku bersalah terhadap 14 pertuduhan yang dikenakan terhadapnya dan syarikat sejuk beku itu.
- Hakim dalam keputusannya memerintahkan Chee Keong yang mewakili syarikat sejuk beku itu untuk membayar denda RM1.5 juta terhadap tujuh pertuduhan dikenakan pada LY Frozen Food.
- Chee Keong turut diperintahkan membayar denda RM100,000 terhadap tujuh pertuduhan terhadapnya dan jika gagal, dipenjarakan selama enam bulan. Seorang lagi pengarah syarikat turut didakwa atas pertuduhan yang sama iaitu Tan Siew Huak.
- Mereka didakwa mengikut Seksyen 5 (1)(a), Seksyen 5 (1) (c) Akta Perihal Dagangan 2011, Perenggan 4 (1) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Kartel daging: Pengarah syarikat pembekal daging sejuk beku didenda RM1.6 juta



Pengarah Syarikat LY Frozen Food, Yong Chee Keong, mengaku bersalah terhadap 14 pertuduhan yang dikenakan terhadapnya, dan syarikat sejuk beku itu. - Gambar fail

PENGUATKUASAAN HALAL DI BAWAH

AKTA PERIHAL DAGANGAN (APD) 2011



SEMAK STATUS , LOGO DAN SIJIL PENGESAHAN HALAL MALAYSIA

PERUNDANGAN

Undang-undang yang mengawal selia perkara melibatkan halal adalah Akta Perihal Dagangan 2011 yang mana ianya di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNKH). Spesifik dalam menguatkuasakan perkara yang berkaitan halal iaitu:

- 01 Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011
- 02 Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan Halal) 2011
- 03 Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (F1 Perakuan Dan Penandaan Halal) 2011
- 04 Jakim & Jain/main

PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (TAKRIF HALAL) 2011

MAKANAN / BARANG-BARANG DITAFSIRKAN SEBAGAI HALAL APABILA

- Tidak mengandungi bahagian daripada binatang terlarang bagi orang Islam atau tidak disembelih
- Tidak mengandungi najis mengikut Hukum Syarak
- Tidak memabukkan mengikut Hukum Syarak
- Tidak mengandungi anggota atau hasil daripada manusia.
- Tidak beracun atau memudaratkan kepada manusia.
- Tidak menggunakan peralatan yang dicemari najis
- Tidak bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan binatang terlarang atau najis semasa diproses

PERBAHASAN HALAL : UNGKAPAN YANG MENUNJUKKAN MAKANAN ITU BOLEH DIMAKAN OLEH ORANG LAIN :

Penggunaan ayat suci Al-Quran

Kalimah Allah atau Muhammad

Buffet Ramadhan

Bismilahirrahmanirrahim

Kaligrafi / Khat yang merujuk kepada agama islam

KESALAHAN DI BAWAH PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (TAKRIF HALAL) 2011

PERINTAH 4 PPD (TAKRIF HALAL) 2011

Mana-mana orang yang menawarkan atau membekalkan makanan tidak boleh membuat apa-apa representasi atau perbuatan yang boleh mengelirukan atau memperdayakan pengguna dengan menyatakan bahawa makanan itu boleh dimakan oleh orang islam

REPRESENTASI TERMASUKLAH

- Perbuatan menggunakan ayat-ayat suci Al-Quran dan menggantung gambar masjid atau Kaabah di dalam premis menjual makanan sedangkan pada masa yang sama menyediakan makanan yang mengandungi najis / arak.
- Meletakkan lambang atau objek yang berhubung dengan Agama Islam pada bekas makanan yang mengandungi ayam tidak disembelih mengikut hukum Syarak
- Penggunaan Pernyataan "Muslim Friendly" untuk Industri Makanan & Restoran
- Menggunakan perbendaharaan Buffet Ramadhan, Iftar sempena Bulan Ramadan yang sememangnya Khas buat orang islam berpuasa.

CONTOH PERBAHASAN & UNGKAPAN HALAL DI BAWAH TAKRIF HALAL

Menggunakan ungkapan Buffet Ramadhan dan menggantung ayat Al-Quran



MENGUNAKAN PERKATAAN HALAL PADA MAKANAN YANG MENGANDUNGI BAHAN HARAM MENGIKUT HUKUM SYARAK DAN FATWA



PENALTI DI BAWAH PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (Perakuan & Penandaan Halal) 2011

SYARIKAT

Didenda tidak melebihi RM250 ribu.
Bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM500 ribu.

Didenda tidak melebihi RM100 ribu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun
Bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM250 ribu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun

INDIVIDU

PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (PERAKUAN DAN PENANDAAN HALAL) 2011

perbahasan Halal hendaklah ditanda dengan logo Halal yang sah.

Hanya pihak Berkuasa Berwibawa dibenarkan untuk membuat perakuan Halal di dalam Malaysia iaitu:

- Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM)
- Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN)

KESALAHAN DI BAWAH PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (PERAKUAN DAN PENANDAAN HALAL) 2011



PERINTAH 8 PPD (PERAKUAN DAN PENANDAAN HALAL) 2011 memperuntukkan

Mana-mana orang yang menawarkan atau membekalkan makanan tidak boleh memperakukan dengan menggunakan ungkapan lain untuk menunjukan bahawa makanan dan barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan itu adalah Halal dimakan atau digunakan oleh orang islam

Semua makanan, barang-barang atau perkhidmatan hanya boleh diperakukan HALAL oleh pihak berkuasa berwibawa iaitu JAKIM dan hanya boleh ditandakan dengan logo HALAL MALAYSIA

KESALAHAN DI BAWAH PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (PERAKUAN DAN PENANDAAN HALAL) 2011

